

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha dan dasar Kerajaan untuk menjamin keselamatan makanan sepanjang pandemik COVID-19.

**JAWAPAN:** **YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melaksanakan usaha berikut bagi menjamin keselamatan makanan (*food security*) sepanjang pandemik COVID-19:

- i. Memastikan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan diteruskan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mengkategorikan aktiviti-aktiviti berkenaan sebagai perkhidmatan penting (*essential services*) dan mengeluarkan surat sokongan kepada pengusaha yang terlibat;
- ii. Meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang, pengaliran dan saliran kawasan sawah

- padi serta kompleks dan jeti pendaratan ikan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE);
- iii. Meningkatkan kecekapan rantaian bekalan dan logistik dengan memantapkan kemudahan pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan, pengedaran dan pengangkutan melalui PRIHATIN;
  - iv. Memperluas akses pasaran pengusaha tani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet;
  - v. Menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shoppe; dan
  - vi. Menggalakkan dan merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
2. Selain itu, bagi mengurangkan isu lambakan hasil pertanian dan meminimumkan kerugian yang dialami, Kementerian melalui jabatan dan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan Program Pasar Segar Terkawal (PST). Pelaksanaan PST semasa PKP adalah signifikan bagi memastikan bekalan makanan negara stabil dan berterusan.
3. Bagi memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas oleh COVID-19, MAFI melalui PRE, PRIHATIN dan PENJANA akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.
4. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif / subsidi, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK)

juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

5. Di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga (3) inisiatif khusus seperti berikut:

- i. Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5% untuk tempoh 5 tahun;
- ii. Program Kebuniti atau Berkebun secara berkomuniti di bandar dan luar bandar, berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 untuk komuniti; dan
- iii. Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

6. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE (termasuk projek infrastruktur dengan peruntukan RM50 juta), PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.

7. Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesan akibat COVID-19 malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.